



PKS Nadi Ekonomi Negara

PERUSAHAAN Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan pemacu utama pertumbuhan pekerjaan dan ekonomi di Malaysia. Hal itu dikatakan demikian kerana hampir 99 peratus daripada perniagaan di Malaysia ialah PKS.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, industri PKS di negara ini telah berkembang pesat, malah sehingga tahun 2018 PKS telah menyumbang sebanyak 17.3 peratus daripada jumlah eksport negara. Berdasarkan jumlah tersebut, didapati berlaku pertumbuhan tahunan sebanyak 3.4 peratus. Tidak dinafikan bahawa PKS memberikan sumbangan yang besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu sebanyak 38.3 peratus (2018). Lebih penting lagi, PKS telah membuka sebanyak 66.2 peratus sektor pekerjaan di negara ini.

Jabatan Perangkaan Malaysia memaklumkan bahawa sumbangan PKS tempatan kepada KDNK telah meningkat kepada 38.3 peratus pada tahun 2018, berbanding dengan 37.8 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi yang amat memberangsangkan ini disumbangkan oleh pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan sekali gus mendorong eksport PKS terus meningkat.


Lebih membanggakan lagi, sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.1 peratus berbanding dengan 7.2 peratus pada tahun 2017. Untuk rekod, momentum pertumbuhan ini dipacu oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, dan penginapan yang tumbuh mencecah 8.6 peratus (2017: 7.5 peratus). Pertumbuhan subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan turut meningkat sebanyak 7.6 peratus (2017: 7.4 peratus).

Sementara itu, subsektor pengangkutan dan penyimpanan, dan maklumat dan komunikasi yang berkembang kepada 6.9 peratus (2017: 6.8 peratus) juga turut menyokong momentum pertumbuhan tersebut. Bagi sektor pembuatan, nilai ditambah PKS meningkat kepada 5.5 peratus (2017: 6.8 peratus) yang diterajui oleh produk petroleum, kimia, getah dan plastik dengan pertumbuhan sebanyak 5.8 peratus (2017: 4.4 peratus). Selain itu, produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka turut berkembang kepada 6.9 peratus daripada 6.1 peratus pada tahun sebelumnya, manakala subsektor makanan, minuman dan tembakau tumbuh sederhana kepada 3.6 peratus (2017: 11.0 peratus).

Nilai ditambah PKS bagi sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan marginal 0.3 peratus setelah mencatatkan pertumbuhan 6.0 peratus pada tahun sebelumnya. Hal ini disebabkan oleh prestasi yang perlahan bagi subsektor getah, kelapa sawit, ternakan dan pertanian lain yang tumbuh pada kadar 0.5 peratus (2017: 9.0 peratus). PKS bagi sektor pembinaan dan perlombongan dan pengkuarian masing-masing tumbuh perlahan kepada 4.0 peratus dan 4.3 peratus.


Merujuk statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, aktiviti PKS telah didominasi oleh sektor perkhidmatan yang menyumbang sebanyak 62.4 peratus dan sektor pembuatan dengan sumbangan sebanyak 20.1 peratus. Sementara itu, sektor pertanian menyumbang sebanyak 10.1 peratus kepada KDNK PKS diikuti oleh sektor pembinaan yang menyumbang sebanyak 5.9 peratus. Berdasarkan Jadual 1, struktur KDNK PKS hampir menyamai struktur KDNK Malaysia kecuali sektor perlombongan dan pengkuarian. Bagi KDNK PKS, sektor perlombongan dan pengkuarian menyumbang sebanyak 0.5 peratus kepada jumlah KDNK PKS berbanding dengan 7.6 peratus kepada KDNK Malaysia. Hal ini disebabkan oleh perbezaan struktur antara PKS dengan KDNK Malaysia di mana subsektor perlombongan dan pengkuarian lain menerajui PKS, manakala minyak mentah dan kondensat, serta gas asli merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia.

Jadual 1 Peratus Sumbangan KDNK Malaysia dan KDNK PKS Tahun 2018 pada Harga Malar 2015.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jadual 2 Sumbangan KDNK kepada KDNK Malaysia Tahun 2018 pada Harga Malar 2015.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Prestasi Eksport PKS

Eksport PKS mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.4 peratus kepada RM171.9 bilion pada tahun 2018 berbanding dengan 7.2 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh sektor pembuatan (5.1 peratus) dan perkhidmatan (2.0 peratus). Eksport PKS bagi sektor pertanian pada tahun 2018 adalah sebanyak RM2.48 bilion (2017: RM2.53 bilion), yang merekodkan pertumbuhan negatif sebanyak 2.0 peratus.

Hal ini disebabkan oleh penurunan dalam eksport PKS bagi sayur-sayuran, pisang, nenas dan buah-buahan tropika lain seperti tembikai dan jambu batu. Sementara itu, eksport PKS bagi sektor pembuatan yang menyumbang sebanyak 48.3 peratus kepada jumlah eksport PKS pada tahun 2018 disokong oleh minuman dan tembakau, bahan kimia dan pelbagai barangan keluaran kilang. Destinasi utama bagi eksport PKS sektor pembuatan ialah Singapura yang menyumbang sebanyak 18.6 peratus diikuti oleh China (8.9 peratus) dan Amerika Syarikat (7.8 peratus). Eksport PKS bagi sektor perkhidmatan meningkat kepada RM86.4 bilion berbanding dengan RM84.7 bilion pada tahun 2017. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh aktiviti perjalanan, perkhidmatan perniagaan lain dan pengangkutan. Sumbangan eksport PKS kepada jumlah eksport kekal pada kadar 17.3 peratus pada tahun 2018 dengan sebanyak 8.7 peratus merupakan sektor perkhidmatan. Selain itu, sektor pembuatan turut menyumbang sebanyak 8.4 peratus dan sektor pertanian sebanyak 0.2 peratus.

Dalam berhadapan dengan pandemik COVID-19, kerajaan sentiasa memastikan PKS terus cekal dan mampan dalam menghadapi tekanan serta cabaran ekonomi yang melanda negara. Pada awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berjanji akan memastikan kerajaan komited membantu meringankan beban kewangan yang dialami PKS dan memastikan mereka mendapat manfaat sepenuhnya daripada semua bantuan yang diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) serta pakej tambahan PKS sebanyak RM10 bilion yang diumumkan pada April lalu.

Menurut Muhyiddin, PKS ialah tunjang utama ekonomi Malaysia yang menyumbang lebih dua pertiga daripada jumlah pekerjaan di negara ini, di samping hampir 40 peratus kepada ekonomi. Oleh itu, meskipun menghadapi pandemik COVID-19, PKS diyakini masih mampu memperbaiki prestasi dan kekal berdaya saing.

“Ekonomi kita sebahagian besarnya bergantung kepada kegiatan PKS yang melibatkan jumlah tenaga kerja yang besar, saya fikir hampir 70 peratus daripada jumlah tenaga kerja datang daripada sektor PKS yang menjana pendapatan KDNK melebihi 35 peratus,” ujar Perdana Menteri dalam temu bual khas dengan media tempatan.

Meskipun ekonomi dunia masih terdedah dengan risiko pandemik COVID-19, pertumbuhan PKS di negara ini sedikit banyak mula menunjukkan perkembangan yang positif dan memberangsangkan. Selain merencanakan ekonomi negara, PKS juga menjadi nadi ekonomi rakyat dan yang paling penting membuka peluang pekerjaan kepada yang memerlukan.